



KERAJAAN MALAYSIA

SURAT PEKELILING AM BILANGAN 1 TAHUN 2022

PENGGUNAAN JATA PERSEKUTUAN

JABATAN PERDANA MENTERI

17 Januari 2022

Dikelilingkan kepada:

Semua Ketua Setiausaha Kementerian

Semua Ketua Jabatan Persekutuan

Semua YB Setiausaha Kerajaan Negeri

Semua Pihak Berkuasa Badan Berkanun Persekutuan dan Negeri

Semua Pihak Berkuasa Tempatan



**JABATAN PERDANA MENTERI
KOMPLEKS SETIA PERDANA
PUSAT PENTADBIRAN KERAJAAN PERSEKUTUAN
62502 PUTRAJAYA**

Telefon : 03-8000 8000
Faks : 03-8890 2429
Laman Web : <http://www.istiadat.gov.my>

Ruj. Kami : BIUPA.600-3/11 JLD.2 (47)
Tarikh : 17 Januari 2022

Semua Ketua Setiausaha Kementerian
Semua Ketua Jabatan Persekutuan
Semua YB Setiausaha Kerajaan Negeri
Semua Pihak Berkuasa Badan Berkanun Persekutuan dan Negeri
Semua Pihak Berkuasa Tempatan

SURAT PEKELILING AM BILANGAN 1 TAHUN 2022

PENGGUNAAN JATA PERSEKUTUAN

TUJUAN

Surat Pekeliling Am ini bertujuan untuk menetapkan peraturan bagi penggunaan Jata Persekutuan kepada Kementerian, Jabatan dan Pegawai-pegawai Kerajaan Persekutuan.

TAFSIRAN

2. Tafsiran bagi maksud Surat Pekeliling Am ini adalah seperti berikut:

2.1 Jata Persekutuan

Bermaksud Lambang Negara Malaysia atau Jata Negara.

LATAR BELAKANG

3. Jata Persekutuan merupakan lambang rasmi Kerajaan Malaysia yang telah diperkenankan oleh Raja-raja Melayu dan diwartakan pada 27 Mei 1952. Jata Persekutuan yang berkuat kuasa sehingga kini adalah melalui Warta Kerajaan P.U. (B) 563 bertajuk Statut-statut Lambang Negara Malaysia bertarikh 20 September 1990. Warta tersebut mengisytihar dan memasyhurkan devais dengan reka bentuk dan warna seperti di Lampiran A disifatkan sebagai Lambang Negara Malaysia.

4. Akta 414 bertajuk Akta Lambang dan Nama (Mencegah Penggunaan Tidak Wajar) 1963 telah memasukkan Jata Persekutuan sebagai Lambang Ternyata di dalam Bahagian 1 Jadual. Penggunaan Jata Persekutuan tanpa kebenaran adalah menjadi suatu kesalahan dan sekiranya disabitkan kesalahan tersebut boleh didenda tidak melebihi RM20,000 atau penjara tidak melebihi tiga (3) tahun atau kedua-duanya sekali.

5. Surat Pekeliling Am Bilangan 1 Tahun 2005 bertajuk Pemakaian Lambang Kerajaan Persekutuan telah dikaji semula dan ditambah baik dengan tatacara penggunaan Jata Persekutuan sebagai lambang Kementerian dan Jabatan Kerajaan Persekutuan.

PENGGUNAAN JATA PERSEKUTUAN

6. Jata Persekutuan adalah hak Kerajaan Persekutuan. Kegunaannya adalah di bawah kuasa Kerajaan Persekutuan dan penggunaannya dihadkan kepada Kementerian, Jabatan dan pegawai-pegawai Kerajaan Persekutuan apabila bertindak atas urusan rasmi masing-masing.

7. Semua Kementerian dan Jabatan Kerajaan Persekutuan hendaklah menggunakan Jata Persekutuan sebagai lambang rasmi Kementerian dan Jabatan.

8. Pihak Berkuasa Tempatan dan Badan-badan Berkanun Persekutuan atau Pertubuhan-pertubuhan Kebangsaan tidak boleh menggunakan Jata Persekutuan.

REKA BENTUK DAN WARNA

9. Penggunaan Jata Persekutuan adalah sebagaimana reka bentuk dan warna yang telah diwartakan seperti di para 3. Pengubahsuaian reka bentuk dan warna Jata Persekutuan adalah menjadi suatu kesalahan.

KAEDAH PENGGUNAAN

10. Kaedah penggunaan Jata Persekutuan adalah seperti berikut:

10.1 Lambang Kerajaan Persekutuan (Lampiran B);

- 10.2 Lambang Pejabat Perdana Menteri, Pejabat Timbalan Perdana Menteri, Pejabat-pejabat Menteri, Pejabat-pejabat Timbalan Menteri, Pejabat Ketua Setiausaha Negara, dan Istana Negara (Lampiran C);
- 10.3 Lambang Kementerian dan Jabatan (Lampiran D); dan
- 10.4 Bahan percetakan dan pakaian (Lampiran E).
11. Saiz Jata Persekutuan dan nama Kementerian atau Jabatan hendaklah bersesuaian. Jenis tulisan adalah Rumi dan menggunakan fon *Arial*.

PENGECUALIAN PEMAKAIAN JATA PERSEKUTUAN

12. Mesyuarat Jemaah Menteri pada 25 November 2016 memutuskan supaya Kementerian Belia dan Sukan boleh menggunakan logo sedia ada dalam bahan percetakan dan publisiti berkaitan program-program belia dan sukan. Walau bagaimanapun, Jata Persekutuan hendaklah digunakan bagi semua urusan rasmi Kementerian.

13. Mesyuarat Ketua Setiausaha Kementerian dan Ketua Perkhidmatan pada 15 Ogos 2016 telah memutuskan untuk memberi pengecualian kepada Angkatan Tentera Malaysia dan Polis Diraja Malaysia daripada menggunakan Jata Persekutuan sebagai lambang rasmi.

TARIKH KUAT KUASA

14. Surat Pekeliling Am ini berkuat kuasa mulai tarikh ia dikeluarkan.

PEMAKAIAN

15. Surat Pekeliling Am ini hendaklah dibaca bersama-sama Akta 414 bertajuk Akta Lambang dan Nama (Mencegah Penggunaan Tidak Wajar) 1963 dan Warta Kerajaan P.U. (B) 563 bertajuk Statut-statut Lambang Negara Malaysia.

16. Surat Pekeliling Am ini juga dipanjangkan kepada Pihak Berkuasa Negeri, Pihak Berkuasa Berkanun dan Pihak Berkuasa Tempatan untuk makluman.

PEMBATALAN

17. Dengan berkuat kuasanya Surat Pekeliling Am ini, Surat Pekeliling Am Bilangan 1 Tahun 2005 adalah dibatalkan.

PERTANYAAN

18. Sebarang pertanyaan mengenai Surat Pekeliling Am ini boleh dirujuk kepada:

Bahagian Istiadat dan Urusetia Persidangan Antarabangsa
Jabatan Perdana Menteri
Aras 5-6, Setia Perdana 3
Kompleks Setia Perdana
Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan
62502 PUTRAJAYA, MALAYSIA

No. Tel. : 03-8000 8000
No. Faks : 03-8890 2429
Emel : webadmin@istiadat.gov.my

"BERKHIDMAT UNTUK NEGARA"




(TAN SRI DATO' SERI MOHD ZUKI BIN ALI)











Ketua Setiausaha Negara

17 Januari 2022

REKA BENTUK JATA PERSEKUTUAN



WARNA JATA PERSEKUTUAN

 <p>• Anak Bulan dan Bintang</p> <p>C: 0% M: 0% Y: 100% K: 0%</p>	 <p>• Dua Ekor Harimau</p> <p>C: 50% M: 70% Y: 0% K: 100%</p> <p>C: 0% M: 85% Y: 100% K: 0%</p> <p>C: 7% M: 59% Y: 95% K: 0%</p> <p>C: 0% M: 0% Y: 100% K: 0%</p>	
 <p>• Lima Bilah Keris</p> <p>C: 0% M: 100% Y: 100% K: 0%</p> <p>C: 0% M: 0% Y: 100% K: 0%</p>	 <p>• Warna Merah, Hitam, Putih dan Kuning</p> <p>C: 0% M: 100% Y: 100% K: 0%</p> <p>C: 50% M: 70% Y: 0% K: 100%</p> <p>C: 0% M: 0% Y: 0% K: 0%</p> <p>C: 0% M: 0% Y: 100% K: 0%</p>	 <p>• Jata Sabah</p> <p>C: 100% M: 93% Y: 20% K: 10%</p> <p>C: 80% M: 41% Y: 0% K: 0%</p> <p>C: 45% M: 5% Y: 0% K: 0%</p> <p>C: 0% M: 93% Y: 91% K: 0%</p> <p>C: 2% M: 5% Y: 32% K: 0%</p> <p>C: 0% M: 0% Y: 0% K: 0%</p>
 <p>• Pokok Pinang dan Jambatan Pulau Pinang</p> <p>C: 100% M: 0% Y: 0% K: 0%</p> <p>C: 0% M: 0% Y: 100% K: 0%</p> <p>C: 50% M: 70% Y: 0% K: 100%</p> <p>C: 0% M: 0% Y: 0% K: 0%</p> <p>C: 100% M: 0% Y: 100% K: 0%</p> <p>C: 38% M: 75% Y: 75% K: 0%</p>	 <p>• Bunga Raya</p> <p>C: 0% M: 100% Y: 100% K: 0%</p> <p>C: 50% M: 70% Y: 0% K: 100%</p>	 <p>• Jata Sarawak</p> <p>C: 2% M: 15% Y: 99% K: 0%</p> <p>C: 12% M: 100% Y: 100% K: 3%</p> <p>C: 50% M: 70% Y: 0% K: 100%</p> <p>C: 0% M: 0% Y: 0% K: 0%</p>
<p>• Cogan "BERSEKUTU BERTAMBAH MUTU" menggunakan fon jenis 'BEBAS'</p> <p>C: 50% M: 70% Y: 0% K: 100%</p> <p>• Awan-awan</p> <p>C: 0% M: 0% Y: 100% K: 0%</p>		 <p>• Pokok Melaka</p> <p>C: 86% M: 32% Y: 83% K: 19%</p> <p>C: 7% M: 59% Y: 95% K: 0%</p> <p>C: 7% M: 22% Y: 94% K: 0%</p>

Sumber : Jabatan Penerangan Malaysia C= Cyan; M= Magenta; Y= Yellow; K= Black

JATA PERSEKUTUAN SEBAGAI LAMBANG
KERAJAAN PERSEKUTUAN



KERAJAAN MALAYSIA

JATA PERSEKUTUAN SEBAGAI LAMBANG
PEJABAT PERDANA MENTERI,
PEJABAT TIMBALAN PERDANA MENTERI,
PEJABAT-PEJABAT MENTERI,
PEJABAT-PEJABAT TIMBALAN MENTERI,
PEJABAT KETUA SETIAUSAHA NEGARA DAN
ISTANA NEGARA



PEJABAT PERDANA MENTERI



PEJABAT TIMBALAN PERDANA MENTERI



PEJABAT MENTERI KEWANGAN



PEJABAT TIMBALAN MENTERI KEWANGAN I



PEJABAT KETUA SETIAUSAHA NEGARA



ISTANA NEGARA

JATA PERSEKUTUAN SEBAGAI
LAMBANG KEMENTERIAN DAN JABATAN

LAMBANG KEMENTERIAN



KEMENTERIAN BELIA DAN SUKAN



KEMENTERIAN DALAM NEGERI



**KEMENTERIAN PERDAGANGAN DALAM NEGERI DAN
HAL EHWAL PENGGUNA**

LAMBANG JABATAN



**KEMENTERIAN KESIHATAN
JABATAN KESIHATAN NEGERI SABAH**



**KEMENTERIAN KESIHATAN
HOSPITAL QUEEN ELIZABETH**



**KEMENTERIAN KESIHATAN
KLINIK KESIHATAN PENAMPANG**



**KEMENTERIAN DALAM NEGERI
JABATAN SUKARELAWAN MALAYSIA**



**JABATAN PERDANA MENTERI
JABATAN PERKHIDMATAN AWAM**



**JABATAN PERDANA MENTERI
UNIT PEMODENAN TADBIRAN DAN PERANCANGAN PENGURUSAN MALAYSIA**







**JABATAN PERDANA MENTERI
JABATAN AUDIT NEGARA**

BAHAN PERCETAKAN DAN PAKAIAN



BAHAN PERCETAKAN

1) Bunting






2) Gegantung



3) Kain Rentang



4) *Folder/ Buku Program*



PAKAIAN

1) Baju





2) Jaket



3) Topi

